



PERAK
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 6/2020

PANDUAN PENGGUNAAN DANA / TABUNGAN MASJID DAN SURAU DALAM NEGERI PERAK KETIKA WABAK COVID 19

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 58 :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Bermaksud : “ Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat ”.

1. Perdana Menteri Malaysia mengumumkan bahawa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan sehingga 14 April 2020 berdasarkan perkembangan semasa yang menunjukkan kes-kes positif COVID-19 yang baharu masih berlaku. Perkara ini akan membawa kepada kebimbangan terhadap rakyat terutamanya yang tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap serta tanggungan yang ramai. Oleh yang demikian, Jabatan Mufti Negeri Perak menyarankan agar pihak Ahli Jawatankuasa Kariah di seluruh Negeri Perak supaya mengambil langkah yang berhati-hati dan beramanah terhadap dana / tabungan masjid dan surau di bawah tadbiran masing-masing.

2. Berdasarkan keprihatinan terhadap hal tersebut, adalah wajar seluruh Ahli Jawatankuasa Kariah dalam Negeri Perak mengambil maklum terhadap wang tabungan / kutipan masjid / dana sumbangan orang ramai supaya segala perbelanjaan mematuhi piawaian Syarak. Dinyatakan beberapa kriteria dana / kutipan / tabungan sedia ada beserta panduan dan cadangan penggunaan ketika penularan wabak COVID-19 untuk penelitian seluruh Ahli Jawatankuasa Kariah dalam Negeri Perak seperti berikut :

i) Derma awam / tabungan umum tanpa dikhususkan untuk sesuatu perkara

Seperti kutipan Jumaat dan kutipan hari raya.

Ianya perlu dibelanjakan mengikut keutamaan, kebiasaan dan keperluan masjid dan surau selaras dengan tuntutan Syarak.

ii) Derma awam / tabungan umum tetapi dikhususkan untuk sesuatu perkara

Seperti derma Rohingya dan Tabung Aman Palestin.

Ianya perlu untuk dibelanjakan berdasarkan tujuan kutipan itu dibuat dan niat penyumbang tanpa dialihkan kepada perkara lain. Hal ini berdasarkan Kaedah Fiqh:

الأُمُورُ بِمَقَاصِدِهَا

Bermaksud : “ *Setiap perkara dinilai berdasarkan niat* ”

iii) Dana wakaf / tabungan wakaf atau saraan khas untuk masjid dan surau

Seperti hasil sewaan lot kedai untuk saraan masjid atau surau.

Ianya hendaklah digunakan berdasarkan tujuan kutipan itu dibuat, diperolehi dan diniatkan oleh penyumbang tanpa dialihkan kepada perkara lain.

Namun, sekiranya aset / item daripada hasil pewakafan tersebut tidak dapat digunakan atau rosak maka tindakan seperti berikut perlu diikuti :

- a) Ditawarkan kepada masjid yang berdekatan sekiranya diperlukan ;
- b) Sekiranya tiada, boleh dijual dengan harga munasabah dan wang perolehan itu dimasukkan semula ke dalam akaun masjid untuk tujuan pembangunan masjid atau wakaf kekal atau dibeli barangan yang layak bagi tujuan penyambungan manfaat wakaf.

iv) Dana wakaf / tabungan wakaf yang tidak dikhususkan kepada tujuan tertentu ;

Seperti tabungan yang dilabel secara umum “ Tabung Wakaf / Derma ”.

Ianya boleh digunakan untuk sebarang manfaat bersifat kekal seperti membeli peralatan perabot untuk kegunaan masjid dan membaik pulih lantai dan sebagainya. Dana dan tabungan ini bersifat wakaf yang perlu diteliti penggunaannya supaya manfaat daripada niat dan hasrat pewakaf berpanjangan.

v) Dana khas utiliti

Seperti bayaran bil elektrik dan bil air.

Ianya hendaklah untuk dibelanja dan digunakan berdasarkan tujuan kutipan itu dibuat dan dana diperolehi.

vi) Dana kebajikan / Tabung Kebajikan

Seperti bantuan bencana dan kebakaran.

Ianya hendaklah dibelanjakan berdasarkan kemaslahatan ahli kariah yang selaras dengan piawaian Syarak.

vii) Dana khas pengajian / Tabung Kuliah

Seperti bayaran kuliah bulanan para pengajar.

Ianya hendaklah dibelanjakan mengikut hasrat penyumbang dan penderma.

3. Bagi menghadapi penularan wabak COVID-19, kedapatan individu atau keluarga Muslim yang tercicir, terlewat atau tiada menerima bantuan daripada mana-mana agensi lain. Jabatan Mufti Negeri Perak menasihatkan Ahli Jawatankuasa Kariah agar membantu golongan tersebut berdasarkan keutamaan penggunaan tabung / dana yang disediakan oleh masjid dan surau seperti berikut :

i) Dana kebajikan / Tabung Kebajikan

Selaras dengan hasrat dan niat penyumbang bagi tujuan kebajikan dan kemaslahatan ahli kariah. Bentuk sumbangan adalah mengikut keperluan dan keutamaan bakal penerima.

ii) Derma awam / tabungan umum tanpa dikhususkan untuk sesuatu perkara

Sebagai kutipan Jumaat , kutipan hari raya atau tabung yang diletak di pintu masjid dan surau.

Penggunaan perkara (i) adalah wajar dan diutamakan, sekiranya tabungan habis atau tiada maka, digunakan perkara (ii) ketika mana keadaan amat memerlukan. Hal ini berdasarkan kaedah fiqh :

إِذَا ضَاقَ الْأَمْرُ اتَّسَعَ

Bermaksud : “ Apabila sesuatu perkara itu sempit, hukumnya menjadi luas ”.

4. Sekiranya masjid dan surau tidak mempunyai tabungan seperti (i) dan (ii) maka ;

a) **Adalah wajar untuk mewujudkannya** bagi memberi peluang seluruh ahli kariah yang berkemampuan untuk menyumbang menerusi dana / tabung kebajikan. Dana yang telah dikhususkan untuk sesuatu tujuan atau berbentuk pewakafan maka, ditegah untuk diambil untuk selain daripada tujuan dan hasrat pemberi.

b) Tabungan / kutipan / dana yang diperolehi atau lebih daripada dana (i) dan (ii) maka, **hendaklah** digunakan untuk menampung atau membayar semula sejumlah wang yang telah diguna atau dipinjam daripada tabungan yang lain. Penggunaan dan pinjaman disebabkan terpaksa menggunakannya kerana kecemasan atau keperluan mendesak bagi kemaslahatan ahli kariah. Segala perbelanjaan hendaklah didokumenkan dengan teliti bagi tujuan rujukan.

5. Diharap pembahagian kriteria dana / kutipan / tabungan sedia ada yang telah dilaksanakan di kebanyakan masjid dan surau dalam Negeri Perak beserta panduan dan cadangan penggunaan ketika penularan wabak COVID-19 ini dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Disediakan oleh : Jabatan Mufti Negeri Perak